

# Bot nelayan Vietnam kerap ceroboh perairan Malaysia

84 26/7/2022

ms/s

**Kuala Lumpur:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menahan sejumlah 1,600 bot nelayan asing yang dikesan menceroboh dan menangkap ikan di dalam kawasan perairan negara sejak 16 tahun lalu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Datuk Jonathan Yasin, berkata daripada jumlah itu, sebanyak 1,057 bot atau 66 peratus adalah bot nelayan asing dari Vietnam, jumlah tertinggi yang direkodkan berbanding nelayan asing dari negara lain.

"Maritim Malaysia sentiasa komited dalam memantau kawasan titik panas yang dikenal pasti dan akan terus menguatkuaskan undang-undang sekiranya negara terbabit meneruskan aktiviti mereka di kawasan perairan negara, terutama Zon Eko-

nomi Eksklusif (ZEE).

"Maritim Malaysia melaksanakan pelbagai usaha dan langkah bagi memastikan perairan negara bebas daripada pencerobohan bot nelayan asing," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Nik Mohamad Abdur Nik Abdul Aziz (PAS-Bachok) mengenai perancangan Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi mengatasi pencerobohan nelayan asing yang kerap berlaku di perairan negara, hingga mengancam keselamatan dan hasil laut negara.

## Tingkat rondaan laut, udara

Jonathan memaklumkan, Maritim Malaysia antara lain melaksanakan rondaan dan penguatkuasaan melalui pengoperasian 45 vesel laut dan aset udara, de-

ngan sasaran rondaan 180,000 jam setahun.

Katanya, Maritim Malaysia turut mengoptimumkan pengoperasian dua kapal kelas Vesel Pemantau Luar Pesisir (OPV) iaitu KM Pekan dan KM Arau di perairan laut dalam hingga ZEE, atau sehingga 200 batu nautika (370.4 kilometer), kerana kemampuannya berlayar dalam tempoh lama, khususnya di Laut China Selatan.

"Ini terbukti dengan peningkatan jumlah tangkapan bot nelayan asing pada 2017 kepada 148 tangkapan, berbanding 108 tangkapan pada tahun sebelumnya," katanya.

Kepada soalan tambahan Nik Mohamad Abdur mengenai aset dimiliki serta saranan supaya kerajaan mengisyihar jihad besar-besaran dalam isu pencero-

• Maritim Malaysia melaksanakan pelbagai usaha dan langkah bagi memastikan perairan negara bebas daripada pencerobohan bot nelayan asing.

**Jonathan Yasin,**  
Timbalan Menteri  
Dalam Negeri II



ohan nelayan asing, Jonathan memaklumkan kerajaan sudah membuat perolehan puluhan aset untuk mengawal zon maritim negara.

"Antara membabitkan perolehan kapal misi pelbagai guna, tiga kapal OPV, empat helikopter, 30 bot, radar di Abu Bakar Maritime Base, radar di Sandakan dan jentera utama lain," kata-